

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG  
[ BUKIT MERTAJAM ]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab mengapa hanya individu pulang dari Sabah bermula 27 September 2020 perlu menjalani saringan COVID-19, sedangkan ramai yang pulang sebelum itu berisiko tinggi dan mengapa tempoh kuarantin kendiri di rumah yang dikenakan kurang daripada 14 hari.

**JAWAPAN**

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

**Tuan Yang Dipertua,**

1. Kebanyakan dasar dan tindakan mengenai pengawalan dan pembendungan penularan COVID-19 adalah mengikut nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **mulai 8 Disember 2020**, individu dari Sabah yang ingin ke Semenanjung perlu menjalani ujian RT-PCR atau RTK-Ag COVID-19, 3 hari sebelum berlepas dari Sabah. Hanya individu yang tidak bergejala dengan keputusan ujian negatif sahaja yang akan dibenarkan untuk meneruskan perjalanan mereka ke Semenanjung Malaysia.
2. Dasar kerajaan telah menetapkan bahawa hanya **individu yang pulang dari luar negara** perlu menjalani kuarantin wajib di Pusat Kuarantin selama 14 hari. Kerajaan tidak mengambil dasar mewajibkan mereka yang pulang dari Sabah untuk menjalani kuarantin wajib 14 hari di pusat kuarantin kerana dasar tersebut sekiranya diambil, hendaklah juga terpakai kepada semua negeri atau kawasan dalam Malaysia.
3. Mengambil contoh negeri Kedah umpamanya pada satu ketika sebelum penularan di Sabah pernah menjadi zon merah akibat penularan COVID-19 berpunca daripada kluster 'Siva Gangga', maka jika pendekatan kuarantin wajib 14 hari diambil, semua yang datang dari Negeri Kedah juga perlu di kuarantin wajib. Langkah ini dilihat tidak praktikal selain di luar kemampuan perkhidmatan kesihatan untuk melaksanakannya.

Sekian, terima kasih.